

## **Keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) di Negeri Sembilan Semasa Darurat: Suatu Tinjauan Berdasarkan Laporan Akhbar**

### ***The Violence of the Malayan Communist Party (MCP) in Negeri Sembilan During the Emergency: An Overview Based on Newspaper Report***

Muhammad Najwan Shahidan

Jabatan Sejarah, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding author: njwnshah@gmail.com

#### **Abstrak**

Pengisytiharan darurat pada 16 Jun 1948 oleh kerajaan British di Tanah Melayu sering dikaitkan dengan siri keganasan yang dicetuskan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Pemberontakan bersenjata yang dikepalai oleh PKM telah dilancarkan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu bagi menjayakan matlamatnya untuk menubuhkan sebuah Republik Demokratik berideologikan komunis di Tanah Melayu. Dalam usaha PKM untuk mencapai tujuan tersebut, pelbagai insiden keganasan dan jenayah yang melibatkan jumlah kecederaan serta kematian yang tinggi dilaporkan berlaku. Perkara yang serupa turut direkodkan berlaku di Negeri Sembilan apabila dicatatkan rentetan siri serangan yang berlaku sehingga meninggalkan impak yang besar terhadap kehidupan seharian masyarakat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan merangkumkan peristiwa serangan serta keganasan yang dipelopori oleh PKM semasa era darurat di Negeri Sembilan. Bagi melengkapi kajian ini, kaedah kualitatif telah digunakan melalui kaedah kepustakaan dengan tertumpu kepada laporan akhbar yang dirujuk secara dalam talian di *National Library Board Singapore* dan *National Library of Australia*. Penganalisisan secara deskriptif turut dijalankan melalui pendekatan historiografi. Hasil kajian membuktikan bahawa sememangnya PKM bertanggungjawab terhadap kejadian serangan yang berlaku di Negeri Sembilan apabila ramai orang awam, anggota keselamatan dan pelombong serta peladang getah yang menjadi mangsa keganasan PKM.

**Kata kunci:** Parti Komunis Malaya (PKM), darurat, Negeri Sembilan, Tanah Melayu, keganasan

#### **Abstract**

*The declaration of emergency on June 16, 1948, by the British government in Malaya is often associated with a series of violent incidents orchestrated by the Malayan Communist Party (MCP). The armed insurgency led by the MCP was launched across the Malay Peninsula with the aim of establishing a Communist-ideological Democratic Republic in Malaya. In pursuit*

*of this objective, numerous acts of violence and crimes, resulting in significant injuries and fatalities, were reported. Similar events were documented in Negeri Sembilan, where a series of attacks had a profound impact on the daily lives of the local population. Hence, this study aims to examine and summarize the incidents of violence and attacks initiated by the MCP during the emergency period in Negeri Sembilan. To achieve this, a qualitative method was employed through a library research approach, focusing on newspaper reports accessed online via the National Library Board of Singapore and the National Library of Australia. Descriptive analysis was also conducted using a historiographical approach. The results of the study prove that the MCP is indeed responsible for the attacks that took place in Negeri Sembilan, where many civilians, security personnel, miners, and rubber plantation workers fell victim to MCP-led violence*

**Keywords:** *Malaya Communist Party (MCP), emergency, Negeri Sembilan, Malaya, violence*

### **Pengenalan**

Pada penghujung dekad 1940-an Tanah Melayu berada dalam situasi ketidaktenteraman yang menggugat keharmonian negara kesan daripada ancaman bersenjata yang dikepalai oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Ancaman bersenjata ini dilakukan oleh pengganas komunis (PK) bagi mencapai matlamatnya untuk menghalau British daripada tampuk pentadbiran di Tanah Melayu dan menubuhkan Republik Demokratik Malaya yang berorientasikan ideologi komunis. Pemberontakan bersenjata oleh PK ini mencapai kemuncaknya apabila tiga orang pengurus ladang getah berbangsa Eropah dibunuh di Sungai Siput pada 16 Jun 1948. Sebagai respons terhadap peristiwa pembunuhan tersebut, Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu telah mengisytiharkan darurat di seluruh negara termasuk Negeri Sembilan bermula 18 Jun 1948 (Andaya dan Andaya 1982, 258). Susulan itu, seluruh negara diletakkan di bawah undang-undang darurat menerusi penguatkuasaan Undang-undang BMA (*Essential Regulation Proclamation*) (Ho 2014, 105; Mohd 2017, 29). Akhirnya, disebabkan insiden keganasan yang berterusan, kerajaan telah mengharamkan PKM dan semua organisasi yang bernaung di bawahnya (MSS/ PIJ/ 11/ 1948).

Sepanjang tempoh darurat yang berlangsung selama 12 tahun ini (1948-1960), masyarakat hidup dalam keadaan porak-peranda dan ketakutan. Perkara ini disebabkan keganasan yang berleluasa sehingga mengorbankan nyawa dan kerugian harta benda. Berdasarkan laporan kerajaan, sehingga bulan Jun 1949 sahaja, hampir 1,000 orang yang terdiri daripada orang awam dan anggota keselamatan menjadi korban serangan PKM (Department of Information t.t., 59-60). Pelbagai lagi bentuk keganasan yang telah dilakukan oleh PKM seperti merosakkan infrastruktur dan kemudahan awam, menyerang balai polis yang terletak di kawasan terpencil, merosakkan pokok-pokok getah dan menyerang masyarakat setempat. Perkara yang serupa turut dapat diperhatikan di Negeri Sembilan. Sejak 1920-an, pengaruh PKM mula berkembang di Negeri Sembilan melalui penyusupan dalam cawangan Kuomintang dan kesatuan sekerja (Ho 2015, 128). Pengaruh PKM semakin berkembang sehingga darurat diisytiharkan. Kekuatan pengaruh PKM memudahkan mereka untuk bergerak aktif sehingga menyebabkan Negeri Sembilan menjadi kawasan titik panas semasa era daurat. Buktinya, Bahau yang terletak kira-kira 40 batu dari Seremban merupakan kawasan pertama yang dikenakan perintah berkurung di bawah Undang-undang Darurat pada 19 Jun 1948 (Ho 2015, 136). Arahan perintah berkurung diisytiharkan setelah berlaku kejadian yang melibatkan serangan empat orang PK ke atas seorang mata-mata Cina di sebuah kedai makan berhampiran sebuah pawagam di Pekan Bahau.

Kebanyakan serangan yang direncana oleh PKM tertumpu di kawasan dan lokasi yang

terpencil seperti Kuala Pilah, Jelevu, Bahau dan Pertang. Antara yang banyak menerima tempias keganasan PK seperti yang dilaporkan oleh akhbar tempatan dan luar negara adalah anggota keselamatan yang terdiri dalam kalangan polis serta tentera dan peladang, pelombong Eropah serta masyarakat awam. Kebanyakannya diserang hendap secara mengejut oleh PKM di lokasi terpencil dan sunyi. Justeru itu, penulisan ini bertujuan untuk membincangkan dan merangkumkan siri keganasan PKM yang berbentuk serangan terhadap pasukan keselamatan, masyarakat awam dan peladang getah serta pelombong melalui tinjauan berdasarkan laporan-laporan akhbar.

Laporan akhbar dipilih sebagai sumber utama kerana dapat memberikan gambaran yang terperinci berkenaan sesuatu kejadian yang berlaku seperti tarikh, lokasi kejadian dan jumlah mangsa yang terlibat. Dalam konteks kajian, kebanyakan peristiwa dirujuk dalam laporan akhbar seperti *The Straits Times*, *Daily Mirror*, *Malaya Tribune*, *Morning Tribune* dan sebagainya. Selain itu, sesuatu peristiwa yang berlaku kebiasaannya akan dilaporkan oleh syarikat akhbar yang berbeza. Perkara ini memudahkan semak silang fakta dilakukan terhadap sesuatu peristiwa dan signifikan untuk menyokong hujah dalam kajian historiografi. Pada masa yang sama, penggunaan akhbar dapat memberikan analisis yang seimbang dan mendalam terhadap insiden yang melibatkan kegiatan PKM di Negeri Sembilan.

### **Serangan Terhadap Anggota Keselamatan**

Sepanjang tempoh darurat, pasukan keselamatan antara pihak yang sering menjadi sasaran keganasan PK. Perkara ini terkait dengan salah satu strategi pemberontakan PK iaitu melakukan serbuan dan serang hendap ke pasukan keselamatan. Tindakan ini bertujuan menambah bekalan dan peralatan gerila (Hanrahan 1971, 109). Misalnya, sayap ketenteraan PKM, *Malayan Race Liberation Army* (MRLA) dilaporkan bergantung pada rampasan bekalan yang diperoleh melalui serangan terhadap pasukan keselamatan terutamanya bekalan peluru<sup>1</sup>. Justeru, keganasan terhadap pasukan keselamatan direncana untuk mencapai tujuan tersebut melalui pelbagai kaedah seperti serangan hendap di jalan raya dan menyasarkan balai polis yang berada di lokasi terpencil. Kemuncaknya adalah pada tahun 1951, apabila seramai 504 orang pasukan keselamatan dilaporkan terkorban, sekaligus merekodkan angka kematian yang tertinggi sepanjang tempoh darurat (Comber 2008, 6).

Dalam konteks serangan PK di Negeri Sembilan, kebanyakan kes serang hendap yang membabitkan pasukan keselamatan kebiasaannya dilaporkan berlaku di jalan berbukit di sekitar kawasan hutan yang tebal (Mohd. 1989, 34). Kawasan Bukit Putus di Kuala Pilah dan Bukit Tangga di Jelevu merupakan contoh kawasan yang sering menjadi tumpuan serang hendap PK. Selain itu, kawasan ladang getah yang terletak di lokasi terpencil turut dikaitkan dengan serangan PK. Sebagai contoh, dilaporkan pada 8 Ogos 1948, seorang konstabel telah diserang oleh tiga orang Cina berpakaian putih yang tidak dikenali. Dia telah ditahan dan senjata api miliknya telah dirampas. Kejadian tersebut berlaku di Ladang Getah See Kee berdekatan Dangi, Kuala Pilah. Ketika kejadian, konstabel berkenaan sedang menjalankan tugasnya mengawal sebuah rumah banglo kepunyaan seorang konduktor Tamil di ladang tersebut. PK turut merampas senjata dan peluru milik tiga orang konstabel yang tidak bertugas sewaktu insiden tersebut (*The Straits Times* 8 Ogos 1948).

Sementara itu, dilaporkan pada 28 Ogos 1948, satu pertempuran kecil telah berlaku di antara pihak anggota keselamatan dengan PK di Ladang Getah St. Hiuer, Kuala Pilah. Selain itu, pada tarikh yang sama, di Dangi, sebuah pekan kecil di Kuala Pilah, PK telah melepaskan beberapa das tembakan ke arah anggota polis yang sedang melakukan rondaan. Namun, dalam kedua-dua serangan tersebut, tiada sebarang kecederaan dan kematian dilaporkan (*The Straits Times* 28 Ogos 1948).

Dalam peristiwa lain, beberapa orang PK berjaya dibunuh oleh pasukan keselamatan di

Kuala Pilah pada 25 September 1948. Serbuan dilakukan ke atas kem mereka yang terletak berdekatan dengan Ladang Getah Kepis. Semasa serbuan, seorang pengganas telah bertempik ke arah anggota polis, katanya 'jangan tembak saya, tahan saya'. Namun itu hanyalah helah untuk mengaburi pihak berkuasa. Pengganas tersebut telah melempar sebutir bom tangan ke arah pihak polis, namun bom tersebut tidak meletup. Dia ditembak mati di kepala di tempat kejadian. Dalam operasi itu, sebuah pondok yang dipercayai menjadi tempat tidur PK turut ditemui. Dilaporkan pondok tersebut turut dilengkapi dengan kemudahan dapur dan mampu untuk memuatkan seramai 15 orang (Morning Tribune 25 September 1948; The Straits Times 25 September 1948).

Pada bulan berikutnya, di Kuala Pilah, polis menembak mati seorang pengganas. Dua kem PK yang besar turut ditemui dan dimusnahkan. Dalam serbuan itu, polis turut menemui sejumlah besar barangan dan bekalan dipercayai milik PK seperti bekalan makanan, peralatan membuat senjata, dokumen, sejumlah peluru beserta bekalan perubatan (Sunday Tribune 24 Oktober 1948).

Pada 16 Disember 1948, dilaporkan berlaku satu pertempuran di antara pihak PK seramai 25 orang dengan sepasukan anggota polis seramai 15 orang yang berlaku di Batang Melaka, terletak kira-kira 45 batu dari Seremban. Dalam pertembungan itu, lapan orang pengganas dilaporkan terbunuh dan Mr. B.F.S Cooper, yang merupakan "*officer in charge of the Tampin police district*" turut sama terkorban manakala tiga anggota polis yang lain mengalami kecederaan (The Age 16 Disember 1948; Daily Mirror 16 Disember 1948). Seterusnya, dalam kejadian di Ladang Getah Bichara, Kuala Pilah, seorang anggota polis berpangkat konstabel ditembak mati oleh pengganas. Dalam insiden tersebut, tiga orang berbangsa Cina ditahan oleh anggota keselamatan, di sebuah jalan yang terletak tidak jauh dari lokasi pembunuhan (Indian Daily Mail 9 Mac 1949).

Dalam perkembangan lain, polis Negeri Sembilan menawarkan ganjaran wang tunai sebanyak \$10 000 kepada sesiapa yang berjaya menangkap seorang PK yang bernama Choo Ah Kong. Choo yang berusia 30 tahun dan merupakan kelahiran China disyaki sebagai ketua PKM di Bahau yang terlibat dengan gerakan kiri. Choo dikatakan bergerak aktif di sekitar Kuala Pilah dan Bahau. Choo turut disyaki terlibat dalam insiden tembakan yang berlaku di Ladang Getah Geddes<sup>2</sup> (The Singapore Free Press 20 Mei 1949).

Seterusnya, pada 25 Oktober 1949, pasukan peronda hutan Dangi diserang hendap oleh pengganas ketika dalam perjalanan pulang dari Ladang Getah Johol. Mereka diserang oleh pengganas yang bersembunyi di tepi jalan ladang dan pertembungan berlangsung selama 10 minit sehinggalah pihak pengganas berundur. Tiada kematian dan kecederaan dilaporkan berlaku. Sementara itu, pada hari yang sama, di Bahau, seorang lelaki Cina yang didakwa sebagai ejen PK telah ditahan berdekatan Ladang Getah Geddes (Indian Daily Mail 27 Oktober 1949).

Dua bulan berikutnya, dilaporkan pada 8 Disember 1949, sepasukan polis hutan telah diserang hendap oleh segerombolan PK seramai 40 orang di Bahau. Pertempuran yang berlangsung selama dua jam telah menyebabkan empat orang anggota keselamatan terbunuh. Kejadian serangan ini bermula apabila pengganas menyerang seorang konstabel khas yang bertugas di Ladang Getah Goodwood. Polis hutan Bahau dikerah ke lokasi kejadian untuk memberikan bantuan. Skuad berkenaan diketuai oleh Sarjan Wahid dan dianggotai oleh beberapa orang polis Melayu dan Cina. Mereka berusaha untuk menjejaki dua orang PK yang berundur ke dalam hutan yang berhampiran dengan ladang. Namun, mereka akhirnya diserang hendap oleh PK (The Straits Times 8 Disember 1949). Pengunduran dua orang pengganas tersebut tanpa disangka merupakan satu perangkap licik yang direncana. Sarjan Wahid dan pasukannya terpaksa berhadapan dengan 40 orang pengganas yang bersembunyi di sebalik pokok tumbang. Secara tiba-tiba tembakan dilepaskan oleh pengganas ke arah mereka dari jarak 10 ela. Dalam pertembungan tersebut, Sarjan Wahid terkena 13 das kesan tembakan pada

badannya. Beliau ditemukan dalam keadaan masih bernyawa ketika di lokasi serangan, namun beliau dilaporkan meninggal dunia setelah 15 minit bantuan menyelamatkan tiba. Menurut seorang pegawai polis di Seremban:

*“Wahid, although wounded in both hands, still managed to use a pistol. After holding the bandits off, Wahid, a Chinese special constable, Tan Seng and Police Constable Endut stood up and charged the bandit positions. Endut was killed as he did so. The others gained their objectives and captured them after hand-to-hand fighting. Tan Seng died of his wounds soon after. Wahid, although mortally wounded, continued to shout to his squad telling them where to fire and generally encouraging them.”* (The Straits Times 8 Disember 1949)

Pada 13 Disember 1949, 16 orang anggota keselamatan termasuk seorang warga Eropah berpangkat *assistant superintendent of police* (ASP) dilaporkan terbunuh dalam satu serangan komunis yang berlaku di sebuah kawasan yang terletak di antara Jelevu dan Seremban (The Argus 13 Disember 1949). Dalam satu kejadian lain, pada 24 Disember 1949, sepasukan anggota polis seramai 16 orang termasuk dua orang warga Inggeris diserang hendap oleh pengganas di sebuah lokasi yang terletak kira-kira 14 batu dari Seremban. Dalam serangan ini, empat orang dilaporkan mengalami kecederaan yang parah manakala dua orang warga Inggeris terbunuh. Senjata api kepunyaan anggota polis tersebut dilaporkan turut dirampas oleh gerila (Tribune 24 Disember 1949).

Dalam satu serangan lain oleh pengganas di Kuala Pilah, sepasukan anggota keselamatan yang sedang melakukan rondaan telah diserang. Dalam serangan itu, tiga orang tentera British terbunuh manakala lima yang lain mengalami kecederaan (The Straits Times 22 Disember 1949). Dalam insiden serangan lain, pengganas komunis menyerang sepasukan anggota keselamatan di Kuala Pilah yang sedang dalam perjalanan ke Seremban. Konvoi enam kenderaan polis tersebut turut disertai oleh John Hurst, Ketua Polis Bahau dan isterinya. Walaupun keretanya teruk diserang pengganas, namun tiada mangsa yang terkorban dalam serangan tersebut (Malaya Tribune 23 December 1949). Pertempuran itu berlangsung selama 20 minit. Kejadian serangan ini turut dilaporkan oleh akhbar *The Straits Times*, menurutnya:

*“They were suddenly shot at from close range. With Mrs. Hurst crouched in the car, Mr. Hurst and his two jungle squads carried out - to quote a Negri Sembilan police officer - “normal ambush drill”. They jumped off their trucks, took cover and then, led by Mr. Hurst, charged across the road and up the high bank on the opposite side, shooting as they advanced in an enflanking movement in the direction of the bandit positions.”* (The Straits Times 23 Disember 1949)

Selanjutnya, dilaporkan pihak pengganas berundur dengan membawa bersama senjata milik mereka. Selepas tamat serangan, tinjauan susulan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan di kawasan kejadian telah menemui mayat pengganas yang memakai pakaian seragam pengganas.

Pada 23 Disember 1949, di sebuah kawasan yang terletak kira-kira enam batu dari Seremban, dua orang anggota keselamatan British maut manakala lima yang lain mengalami kecederaan selepas diserang hendap oleh pengganas ketika sedang menjalankan rondaan. Dalam pertembungan itu, seorang pengganas berjaya ditumpaskan, lima orang cedera dan seorang pengganas berjaya ditahan (Kalgoorlie Miner 23 Disember 1949). Sehari selepas kejadian itu pula dilaporkan, sepasukan anggota polis diserang di satu kawasan yang terletak 14 batu dari Seremban. Dalam serang hendap itu, 16 orang anggota polis termasuk dua orang

warga British terkorban dan senjata mereka turut dirampas oleh pengganas komunis. Lebih menyayat hati, dua orang anggota polis yang mengalami kecederaan telah dibakar hidup-hidup oleh pengganas (Daily Mirror 13 Disember 1949; Tribune 24 Disember 1949).

Selanjutnya, pada awal bulan April 1951, berlaku satu serang hendap yang melibatkan sebuah konvoi pasukan anggota keselamatan yang lengkap bersenjata. Mereka yang sedang melakukan rondaan dikejutkan dengan satu serbuan yang dilakukan oleh gerila komunis ketika sedang melalui satu selekoh seperti yang dilaporkan oleh *The West Australian Perth*:

*“The patrol, which was travelling in a four-vehicle convoy, was ambushed when rounding an acute road bend. The terrorists were spread over a length of 230 yards with fields of fire cut and shallow trenches prepared. Despite the heavy casualties in the first few minutes the handful of unwounded Malays fought back until they all fell. One Malay, in hospital today said: “The British officer was found lying in a ditch with his Owen gun clutched so tightly that his hands had to be prised off. A dead terrorist lay three yards away.” Two of the Malays were killed while clambering an almost vertical bank to get at the terrorists, who were estimated to number 50. The battle lasted 20 minutes before the guerillas called off the action.”* (The West Australian Perth 10 April 1951).

Dalam serang hendap tersebut, enam orang askar Melayu terkorban manakala sembilan orang askar Melayu yang lain dilaporkan mengalami kecederaan. Dalam kejadian itu juga, seorang pegawai British mengalami luka yang parah pada perutnya dan menerima rawatan susulan di hospital Seremban. Pujian diberikan oleh Major T. W. M. Mitchell terhadap tindakan berani anggota keselamatan dengan mengatakan *“the regiment did not lose any arms or ammunition, but the bandits did. Everyone is very proud of the bravery of these men”* (The West Australian Perth 10 April 1951).

Selain daripada anggota keselamatan berbangsa Melayu dan Inggeris, tentera Gurkha turut tidak terkecuali menerima tempias asakan keganasan pihak komunis. Hal ini dapat dilihat dalam satu serangan yang dilaporkan berlaku pada 4 Oktober 1949 apabila enam orang anggota tentera Gurkha dilaporkan telah terbunuh selepas dua trak yang dinaiki mereka telah diserang oleh 40 orang pengganas. Mereka dilaporkan sedang dalam perjalanan dari Kuala Klawang menghala ke arah Seremban (The Advertiser 5 Oktober 1949). Situasi sebaliknya berlaku pada bulan Ogos 1951 apabila berlaku satu pertembungan diantara pengganas dengan tentera Gurkha di Seremban. Menurut laporan akhbar *The Daily News* (The Daily News 21 Ogos 1951):

*“Terrorists suffered heavy casualties, however, in the Seremban area of Negri Sembilan when Gurkhas made a kukri (large knife) charge against a large gang. Only two bandit bodies have been found so far, but police reported that the stench of dead bodies lay heavily in the area.”*

Dalam satu kejadian lain pada tahun 1952, berlaku satu pertempuran di antara tentera Gurkha dengan gerila berdekatan sebuah ladang getah di Seremban. Empat orang gerila dilaporkan ditembak mati dan tiga daripada mereka dikenal pasti identitinya. Salah seorang daripada mereka ialah Tsang Lin yang merupakan pemimpin PKM cawangan Seremban-Rantau. Pada hari yang sama, dua orang gerila dilaporkan telah terbunuh di kawasan Tampin, Negeri Sembilan (Kalgoorlie Miner 25 Januari 1952).

### Serangan Terhadap Orang Awam

Dalam siri keganasan yang dilancarkan oleh PKM, mereka bukan hanya menyasarkan pihak anggota keselamatan yang bertugas. Masyarakat awam yang tidak bersalah turut sama terkena tempias amukan PKM sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kecederaan yang parah. Tindakan ini dilakukan supaya masyarakat awam ragu terhadap kemampuan kerajaan untuk melindungi mereka dan berpaling kepada PK dengan memberi bantuan (Ho 2014, 105). PKM turut menyasarkan orang awam yang disyaki menyalurkan maklumat kepada pihak kerajaan (Mohd 2017, 33). Situasi ini mencetuskan kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan masyarakat sehingga memicu reaksi daripada pelbagai pihak untuk melindungi diri serta keluarga mereka. Tambahan pula, keganasan PKM tidak mengambil kira latar belakang mangsa. Golongan warga emas turut tidak terkecuali. Buktinya, dilaporkan pada 3 Ogos 1948, PK telah membunuh dua orang warga emas yang berbangsa Cina di Bahau. Mangsa yang pertama, Low Kam merupakan ketua kampung tidak rasmi untuk Kampung Fujigo, sebuah petempatan untuk orang Eurasia yang wujud semasa era pendudukan Jepun. Dia ditembak serta-merta setelah gagal menyerahkan senjatanya apabila diminta berbuat demikian oleh PK. Seterusnya, PK telah pergi ke sebuah rumah yang terletak di luar Pekan Bahau. Rumah itu juga milik sepasang warga emas dan kedua-duanya dibunuh oleh PK. Kemudiannya, pihak polis menemui mayat wanita warga emas diluar rumah, jaraknya kira-kira 40 ela dari rumah mereka (The Straits Times 3 Ogos 1948).

Dalam peristiwa lain, pada 17 Ogos 1948, dua butir bom tangan telah ditemukan di sekitar rumah Abdul Malek bin Yusuf yang merupakan Menteri Besar Negeri Sembilan yang pertama. Langkah keselamatan susulan telah diambil oleh anggota keselamatan bagi mengelakkan sebarang pertumpahan darah berlaku (Adelaide 17 Ogos 1948). Selain itu, PK turut melakukan penculikan ke atas orang awam. Dilaporkan pada 19 November 1948, seorang berbangsa Cina telah diculik oleh lima orang PK di rumahnya, Paroi. Dia telah dipaksa untuk keluar dari rumahnya dan memandu keretanya ke arah Jelevu bersama-sama dua orang PK manakala selebihnya menghala ke arah Seremban (Malaya Tribune 19 November 1948).

Seterusnya, seorang lelaki berbangsa Cina hilang, disyaki menjadi mangsa penculikan yang didalangi PK. Mangsa, Liew Sow merupakan seorang pekerja di Ladang Getah Seremban. Pada 31 Mei 1949, akhbar melaporkan pihak polis menjumpai mayatnya di kawasan ladang getah. Mayatnya dijumpai dalam keadaan tangannya diikat di belakang badan. Pihak polis turut melaporkan kad pengenalan milik Liew dan sebuah cek bernilai \$2500 hilang (The Straits Times 31 Mei 1949).

Pengganas komunis turut melakukan keganasan di lokasi tumpuan awam. Dalam satu kejadian di Jalan Yamtuan, Kuala Pilah, sebutir bom tangan telah dilemparkan oleh seorang Cina yang tidak dikenali ke dalam sebuah kedai milik Siow See Fah. Dia yang juga Pengerusi *Malaysian Chinese Association* (MCA) Kuala Pilah mengalami kecederaan ringan begitu juga dengan dua orang pekerjanya, Chang Min Shi dan Siew Miang Piau. Sewaktu kejadian, ketiga mereka yang sedang berada di dalam kedai dikejutkan dengan tindakan seorang Cina yang disyaki pengganas meluru masuk ke dalam kedai mereka lalu melemparkan sebutir bom tangan. Usaha menjejaki suspek dilakukan oleh pihak berkuasa, namun menurut *The Straits Times* (8 Disember 1949):

*“A police cordon was thrown round the town but the assailant escaped by running out of a backlane into a jungle area close by. Police action was prompt and all male Chinese in Kuala Pilah were screened within a short time after the outrage.”*

Seterusnya, di Pulau Sebang, Tampin, tiga orang PK memasuki sebuah kedai Cina dan menyerang pengusahanya. Kejadian itu berlaku pada 29 Januari 1950 dan disaksikan oleh

seorang polis yang berada di lokasi kejadian. PK melempar sebutir bom ke arah polis tersebut, namun bom tersebut tidak meletup. Kemudian, mereka berundur untuk menyelamatkan diri dengan melarikan diri ke kawasan setinggian berhampiran. Pasukan polis hutan telah ditugaskan untuk mengesan mereka (*Indian Daily Mail* 31 Januari 1950).

Pada 17 April 1950, seorang kerani berbangsa Cina ditembak mati oleh PK di Seremban. Ketika insiden, mangsa, Lee Tek Nie bersama-sama tiga orang rakannya yang memburu babi di dalam hutan diserang hendap oleh 15 orang PK. Lee telah dibawa ke dalam hutan, sementara tiga orang rakannya melarikan diri dan mendapatkan bantuan daripada polis. Pasukan polis hutan dikerah ke lokasi kejadian dan mendapati Lee mati ditembak dalam keadaan tangannya diikat (*The Straits Times* 18 April 1950). Selanjutnya, pada 30 Januari 1951, sebutir bom tangan dilemparkan ke dalam sebuah dewan tarian yang ketika itu sedang berlangsungnya majlis tarian. Dilaporkan seramai 25 orang tentera British dan beberapa orang awam mengalami kecederaan (*The West Australian* 30 Januari 1951; *The Argus* 30 Januari 1951). Beberapa orang yang menjadi mangsa serangan telah mengalami kecederaan serius seperti yang dilaporkan *The West Australian* (30 Januari 1951) seperti berikut:

*“The condition of one British soldier and one Eurasian girl is serious. The grenade fell in the centre of the dance floor soon after music had started for a waltz.”*

Kejadian yang sama turut dilaporkan oleh akhbar *Daily Mirror* (30 Januari 1951) seperti berikut:

*“Twenty five persons, including soldiers, dance hostesses, civilians and a two years old girl were injured when a grenade was thrown on to a dance floor at Seremban last night. A soldier and a hostess were taken to hospital.”*

Dalam perkembangan berikutnya, dilaporkan pada 26 Januari 1952, seorang remaja berbangsa Cina maut ditikam oleh pengganas di Seremban. Dalam hari yang sama, seorang pemandu lori dibunuh di Bahau, sebuah pekan yang terletak dalam daerah Jempol (*The Adelaide* 26 Januari 1952). Kejadian lontaran bom turut dikesan berlaku di Sikamat, kira-kira tiga batu dari Seremban. Dalam kejadian yang dilaporkan pada 15 Ogos 1952 itu, PK melempar dua butir bom ke arah Kampung Baru Sikamat. Insiden itu menyebabkan dua orang kanak-kanak perempuan dan tiga orang lelaki mengalami kecederaan (*The Straits Times* 15 August 1952). Menurut *Indian Daily Mail* (15 Ogos 1952):

*“One of the grenades fell in a drain outside a sundry shop and the other on the verandah of the shop. The two children and two of the men were taken to Seremban hospital where their condition is satisfactory. The third man was only slightly hurt.”*

Disebabkan insiden ini, perintah berkurung selama sehari telah dikenakan ke atas kawasan ini. Selain itu, setelah melakukan keganasan dan pembunuhan, menjadi kebiasaan PK untuk meninggalkan risalah pada badan mangsa. (Short 1975, 107). Misalnya di Negeri Sembilan, dilaporkan pada 30 Disember 1953, dua orang PK telah membunuh seorang lelaki berbangsa Cina di sebuah hutan, kira-kira tiga batu dari Balai Polis Serting. Mangsa, Lee Chu, ketika itu sedang berada di dalam sebuah lori kayu yang dipandu oleh seorang pemandu berbangsa Melayu. Lori tersebut berhenti di bahu jalan kerana mengalami kerosakan. Sewaktu pemandu sedang memeriksa kerosakan, Lee Chu ditembak di bahagian kepala dan sekeping risalah dilekatkan di badannya (*The Straits Times* 30 Disember 1953).

### Serangan Terhadap Peladang Getah dan Pelombong

Kebimbangan turut melanda para pekerja di lombong dan ladang getah yang terdedah kepada risiko serangan PK disebabkan kawalan keselamatan yang rendah. Ribuan ekar pokok getah turut dirosakkan dengan tujuan menjejaskan ekonomi Tanah Melayu yang bergantung kepada sumber getah. Bangunan dan fasiliti yang terdapat di lombong dan ladang dibakar serta dirosakkan (Mohd. 2017, 33). Dalam konteks Negeri Sembilan, Pertang, sebuah bandar kecil di Jelevu mencatatkan sebagai antara kawasan terawal di Negeri Sembilan yang berhadapan dengan serangan maut PKM. Dalam satu kejadian yang dilaporkan pada 31 Ogos 1948, dianggarkan seramai 100 orang pengganas melakukan serbuan terhadap Kampung Pertang dan sebuah lombong bijih timah di Tambah (Daily Mirror 31 Ogos 1948). Pengurus lombong bijih timah tersebut, Mr. J. Hunter<sup>3</sup> telah mati ditembak ketika berada di dalam bilik tidurnya. Mangsa terkena satu das tembakan pengganas yang berpakaian seragam Bintang Tiga. Beliau yang berusia 50 tahun dan berasal dari Scotland telah dikebumikan di Seremban pada keesokan paginya. Menurut The Sydney Morning Herald (31 Ogos 1948), beliau merupakan warga Eropah yang kesebelas terbunuh sejak pengisytiharan darurat di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, serangan tersebut tidak menyebabkan sebarang kerosakan berlaku pada fasiliti dan kawasan lombong. Dalam insiden itu, satu sekatan jalan raya turut dilakukan oleh pengganas komunis seperti yang dilaporkan *The Straits Times* (31 Ogos 1948) seperti di bawah:

*“The Pertang bandits set up road blocks at two approach roads to the mine - four miles from the village on one road and 3 ¾ miles on the other.”*

Tindakan ini dipercayai sebagai satu strategi untuk memutuskan akses perhubungan agar tidak ada sebarang bantuan daripada anggota keselamatan dapat sampai ke kawasan kejadian. Pada masa yang sama, serangan pengganas komunis turut menyasarkan Balai Polis Pertang. Seorang polis berpangkat konstabel yang menjaga bahagian pintu masuk diserang oleh dua orang Cina yang berpakaian seperti pekerja ladang getah. Mereka disyaki sebagai pengganas komunis yang melakukan penyamaran bagi mengelirukan anggota keselamatan yang bertugas. Dalam serangan itu, konstabel berkenaan mengalami kecederaan yang serius. Sebelumnya, pengganas telah memutuskan laluan perhubungan jalan raya yang menghala dari Jelevu ke Pertang dengan meletakkan lima batang pokok di atas jalan tersebut bagi membataskan pergerakan anggota keselamatan dan penduduk. Bibit-bibit awal serangan bermula dengan pemutusan talian telefon oleh PKM untuk membataskan komunikasi pasukan keselamatan. Menurut *The Straits Times* (31 Ogos 1948):

*“The first hint of possible trouble had come when there was no response to the half-hourly check telephone call between Pertang Police Station and the district headqurtes at Jelevu. The Telecommunications Department reported that the line has been cut.”*

Sebuah pasukan dihantar untuk kerja-kerja membaikpulih talian perhubungan dengan diiringi oleh dua kereta polis. Walau bagaimanapun, mereka diserang hendap oleh pengganas komunis sewaktu melalui satu selekoh. Dilaporkan seorang anggota polis telah mengalami kecederaan. Sementara itu, pengurus Ladang Getah Pertang berjaya menghubungi Balai Polis Kuala Pilah untuk memaklumkan berkenaan kejadian serangan yang telah berlaku. Tindakan segera diambil dengan penderahan sepasukan tentera Gurkha dan polis dari Bahau ke kawasan kejadian untuk memberikan bantuan selanjutnya. Namun, mereka telah terkandas dalam perjalanan disebabkan sekatan jalan raya yang dilakukan oleh pengganas. Serangan yang dilakukan oleh pengganas walau bagaimanapun, tidak menyebabkan sebarang kerosakan atau kemusnahan terhadap balai polis seperti yang dinyatakan *The Straits Times* (31 Ogos 1948)

seperti di bawah:

*“The police station at Pertang held out against the attack and when the relief parties finally got past the road blocks, they found the station undamaged. Although no bandit bodies were found, it was thought, said an official report, that a number of casualties had been inflicted.”*

Ringkasnya, serangan pengganas yang dilakukan di Balai Polis Pertang dan lombong di Tambah telah mengorbankan empat orang konstabel serta dua orang konstabel khas. Turut menjadi mangsa keganasan adalah seorang kanak-kanak berusia empat tahun yang merupakan anak kepada seorang anggota polis yang bertugas di Balai Polis Pertang. Sementara itu, dilaporkan pada hari yang sama, pengganas menyerbu sebuah ladang getah di Ulu Pedas yang terletak berdekatan kawasan Seremban-Lenggeng. Dalam kejadian itu, seorang pemandu yang bekerja di ladang getah tersebut ditembak mati (The Sydney Morning Herald 31 Ogos 1948). Kejadian yang sama turut dilaporkan oleh akhbar *Kalgoorlie Miner* (31 Ogos 1948). Selain membunuh seorang pemandu, pihak pengganas turut:

*“... threw bottles of flaming tar and paraffin into the garage, where a lorry and cars were parked. In a gun battle which lasted 20 minutes the terrorists drove back the European assistant manager and two Indians.”* (31 Ogos 1948)

Selanjutnya, akhbar *Morning Tribune* (28 September 1948) melaporkan bahawa beberapa orang pengganas yang disyaki terlibat dalam serangan ke atas Balai Polis Pertang berjaya ditahan. Penahanan tersebut dilakukan di Kuala Pilah pada hari Ahad, 25 September 1948. Seterusnya, pengganas komunis melakukan serangan ke atas Ladang Getah Kepis. Dalam serangan itu, seramai dua orang pengganas menghalakan serangan ke atas fasiliti estet. Seorang konstabel khas yang berada di lokasi kejadian membalas serangan dan menghalau mereka. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku (Morning Tribune 4 Oktober 1948). Dalam perkembangan berikutnya, pihak pengganas menyerang rumah banglo kepunyaan pengurus Ladang Getah Pajam di Mantin pada sebelah malam. Dilaporkan juga pengganas menyerang kuarters konstabel khas yang terletak di Ladang Getah Jeram Padang di Kuala Pilah (Sunday Tribune 5 Disember 1948).

Sementara itu, dilaporkan pada 11 Februari 1949, Col. W. A. Gutsell<sup>4</sup> yang merupakan pengurus Ladang Getah Mambau terbunuh dalam satu serangan pengganas yang dilakukan pada waktu pagi. Gutsell yang terbunuh dalam serangan di Paroi ketika itu merupakan salah seorang pengurus ladang getah yang terkenal di Negeri Sembilan (Singapore Standard 19 Disember 1950). Beliau diserang hendap oleh pengganas ketika baru selesai melawat Ladang Getah Keiross yang terletak kira-kira tujuh batu dari Seremban. Keretanya diserbu dan pemandunya yang berbangsa Melayu maut diserang manakala seorang kontraktor Cina yang menemaninya berjaya meloloskan diri lalu melaporkan serangan tersebut kepada pihak polis. Dalam kejadian tersebut, dua orang konstabel khas dan seorang pemandu yang berbangsa Melayu turut menjadi mangsa serangan pengganas. Pihak polis menawarkan ganjaran wang tunai sebanyak \$5000 kepada sesiapa yang mempunyai maklumat berkaitan yang bertanggungjawab dalam pembunuhan Gutsell (Malaya Tribune 18 Februari 1949).

Setahun kemudian, pada tahun 1950, dilaporkan salah seorang pengganas yang disyaki terlibat dalam pembunuhan Gutsell berjaya ditembak mati sewaktu pertembungan antara pengganas dan anggota keselamatan di Balai Polis Sikamat. Pembunuh tersebut ialah Siow Kiu yang merupakan salah seorang ahli *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) Pahang semasa era pendudukan Jepun dan merupakan komander Platun Ketiga bagi pergerakan komunis di Negeri Sembilan. Dalam kejadian tersebut, pasukan anggota polis dikejutkan

dengan serangan yang dilakukan oleh pengganas pada jam 2.00 pagi (Singapore Standard 19 Disember 1950; Malaya Tribune 19 Disember 1950). Namun, mereka berjaya menahan asakan tersebut setelah bertempur selama satu jam. Menyedari akan hakikat kegagalan mereka untuk menumpaskan pasukan anggota polis, pihak komunis mengendurkan serangan dan berundur kembali ke kubu mereka dan meninggalkan mayat Siow Kiu yang terbunuh.<sup>5</sup> Siow Kiu juga disyaki telah terlibat dalam beberapa serangan yang berlaku di sekitar Negeri Sembilan seperti yang dilaporkan oleh akhbar *Singapore Standard* (19 Disember 1950) seperti berikut:

*“Siow Kiu was also a member of the party of over 100 bandits who ambushed three police vehicles in Jelebu pass on December 12, last year, and nine days later was in charge of the ambush party which was surprised by special forces in Kuala Pilah pass.”*

Sebelum tercetusnya perang, Siow Kiu merupakan salah seorang penduduk yang menunjukkan simpati pada perjuangan komunis. Dia menyertai pergerakan komunis pada tahun 1942 dan kemudiannya dilantik sebagai komander platun. Selepas Perang Dunia Kedua, Siow Kiu bertambah aktif di bawah pergerakan komunis apabila dia dilantik menjadi pengintip dalam Persatuan Penoreh Getah:

*“ ... an executive of the Communist dominated Rubber Tappers' Union. At the same time he was an underground worker of the Communist Party, specialising in agitation amongst labourers.”* (19 Disember 1950)

Dalam satu kejadian lain di Jelebu, kerugian yang dianggarkan sebanyak \$8000 dilaporkan selepas pihak pengganas komunis merosakkan fasiliti sebuah ladang getah di Jalan Jelebu-Titi. Menurut *Malaya Tribune* (6 December 1949), pengganas bertindak ganas dengan membakar rumah asap dan bangunan kongsi serta memusnahkan stok getah yang terdapat di ladang terbabit. Dalam satu operasi lain di Kampung Spri berdekatan Ladang Getah Jelebu, pihak anggota keselamatan berjaya memberkas dua orang wanita Cina yang disyaki berkemungkinan mempunyai hubungan dengan pengganas. Sementara itu, sekumpulan pengganas telah melakukan serangan ke atas Ladang Getah Belmont yang terletak di Kuala Pilah pada jam 8.00 pagi. Mereka bertindak ganas dengan merosakkan dan membakar fasiliti serta kemudahan yang terdapat di ladang getah tersebut (*Indian Daily Mail* 10 Disember 1949).

Pada tahun 1952, dilaporkan satu kejadian serangan yang berlaku berdekatan dengan Seremban. Dalam kejadian itu, sekumpulan pengganas seramai 10 orang telah membunuh dua orang penoreh getah, seorang lelaki dan perempuan. Pembunuhan yang kejam ini dilakukan di hadapan penoreh-penoreh getah yang lain. Lebih menyayat hati, dua orang penoreh getah tersebut dibunuh dengan cara yang kejam dan menyeksakan iaitu dipukul menggunakan ‘*green rubber bough*’ sehingga mati (*Northern Star* 14 Oktober 1952).

## Kesimpulan

Pemberontakan bersenjata yang diterajui oleh PKM sepanjang tempoh darurat selama 12 tahun merupakan detik hitam dalam memori kolektif rakyat Malaysia yang sukar untuk dipadam. Senario yang serupa dapat diperhatikan berlaku di Negeri Sembilan yang merupakan antara kawasan titik panas yang menjadi sasaran pemberontakan PK. Sepanjang tempoh ini, ribuan nyawa yang tidak bersalah termasuklah kanak-kanak, wanita dan warga emas menjadi mangsa

kezaliman serta keganasan mereka. Kes kematian dan kecederaan yang tinggi turut membabitkan pasukan anggota keselamatan yang bertungkus-lumus menjaga keharmonian serta keselamatan negara daripada gangguan anasir PK. Walaupun berdepan dengan risiko yang tinggi, namun semangat dan jasa pasukan keselamatan dalam mengekang asakan PK sewajarnya dipuji dan diberikan penghargaan. Natijahnya, peristiwa yang berlaku sepanjang tempoh darurat ini sewajarnya dirangkumkan dan disematkan dalam ingatan kolektif rakyat Malaysia agar mengenang tentang harga keamanan dan kepentingan untuk mempertahankannya demi kemakmuran generasi yang akan datang.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan, yang memberi galakan untuk penulis menghasilkan dan menerbitkan artikel ini.

### Nota

1. Pada masa yang sama, MRLA turut bergantung kepada penduduk untuk mendapatkan bekalan makanan. Golongan seperti pekerja luar bandar terutamanya penduduk setingan sering menjadi sasaran. Rujuk A. J. Stockwell, (ed.), "PREM 8/1406/2, MAL C(50)12, The Present Day Situation and Duties of the Malayan Communist Party note by Mr Strachey for the Cabinet Malaya Committee commenting on a captured MCP document, 12 May 1950." In *British Document on the Ends of Empire Part II, The Communist Insurrection, 1948-1953*, London: HMSO, 1995, 213-216.
2. Ladang Getah Geddes merupakan ladang getah yang terbesar di Bahau, Negeri Sembilan. Kawasannya meliputi seluas 16,000 ekar (Barber 1972, 44). Banyak insiden serangan komunis dilaporkan berlaku di sini sehingga menyebabkan para pekerja ketakutan untuk keluar menoreh. Kawasan ini turut dikenakan perintah berkurung selama 15<sup>1/2</sup> jam sehari (*The Straits Times* 16 November 1951).
3. Beliau pernah menjadi ahli Majlis Negeri bagi Negeri Sembilan dan dilantik sebagai Komandan Batalion Negeri bagi Pasukan Sukarelawan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu semasa perang (*The Advertiser* 11 Februari 1949).
4. Beliau dipercayai telah menetap di Tanah Melayu selama 16 tahun. Sewaktu kejadian serangan, beliau baru sahaja tiba dari Scotland sebulan yang lepas. Menurut *The Straits Times* lagi, "He only recently joined Anglo-Oriental (Malaya) and had just taken over as acting mine superintendent of Tambak Tin Syndicate."
5. Siow Kiu dilahirkan di Ping Tei, China pada tahun 1917. Dia semakin bergiat cergas dengan kegiatan PK setelah Perang Dunia Kedua tamat. Timbul ura-ura yang mengatakan bahawa Siow Kiu telah dikhianati oleh pasukannya sendiri sewaktu serangan ke atas Balai Polis Sikamat dilakukan. Perkara ini berpunca daripada masalah dalaman yang dihadapi oleh gerila pada ketika itu. Dalam beberapa dokumen yang telah dijumpai menunjukkan bahawa platun ketiga yang dipimpinnya itu telah dikritik oleh pemimpin atasan kerana 'ineffectiveness and lack of initiative'. Dalam dokumen yang lain turut dinyatakan berkenaan lapan kelemahannya seperti yang dicatatkan *Malaya Tribune* (19 Disember 1950), "Lack of desire for learning; not skilful in handling problems; lacks drive and initiative: has no ability for leadership and distribution of work; rude in his speech often causing misunderstanding; gives orders with out setting an example; keeps aloof from the Comrades; is inefficient in leading the Unit." Dikatakan kritikan yang dilemparkan kepadanya ini merupakan faktor yang

mendorongnya untuk melakukan serangan terhadap Balai Polis Sikamat.

### Rujukan

- Adelaide, 17 Ogos 1948. "Spitfire Raid in Malaya". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/43779059> (diakses pada 2 September 2024).
- Adelaide, 26 Januari 1952. "U.K. Planter Killed in Jungle". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/47370293> (diakses pada 2 September 2024).
- Andaya, B.W. dan L.Y. Andaya. 1982. *A History of Malaysia*. London: Macmillan Education LTD.
- Barber, N. 1972. *The War of Runnings Dogs*. New York: Weybright and Talley.
- Comber, L. 2008. *Malaya's Secret Police 1946-60: The Role of the Special Branch in the Malayan Emergency*. Singapore: Institute of South Asian Studies.
- Daily Mirror, 13 Disember 1949. "Burned Alive". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/273629322> (diakses pada 2 September 2024).
- Daily Mirror, 16 Disember 1948. "8 Bandits Killed in Malaya Battle". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/274594482> (diakses pada 2 September 2024).
- Daily Mirror, 30 Januari 1951. "Bomb Blast". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/275088675> (diakses pada 2 September 2024).
- Daily Mirror, 31 Ogos 1948. "Malayan Outrages". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/274451773> (diakses pada 3 November 2024).
- Department of Information. t.t. *Communist Terrorism in Malaya*. Federation of Malaya.
- Hanrahan, G.Z. 1971. *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Ho Hui Ling. 2014. "Perkembangan Pergerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) Di Negeri Sembilan, 1920-1960". *Malaysia dari segi Sejarah*, 42: 99-113.
- Ho Hui Ling, 2015. "Usaha Kerajaan dalam Membanteras Gerakan Komunis di Negeri Sembilan, 1948-1960". *Malaysia dari segi Sejarah*, 43:128-146.
- Indian Daily Mail, 10 Disember 1949. "Hands Tied Behind And Head Battered With Changkol". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/indiandailymail19491210-1.2.11?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- Indian Daily Mail, 15 Ogos 1952. "5 Wounded In Grenade Attack Near Seremban". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/indiandailymail19520815-1.2.17?qt=sikamat&q=sikamat> (diakses pada 10 Januari 2025).
- Indian Daily Mail, 20 Julai 1949. "Highly Decomposed Body Believed To Be That Of Missing Miner". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/indiandailymail19490720-1.2.49?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 6 September 2024).
- Indian Daily Mail, 27 Oktober 1949. "Bandits Engaged In Kuala Pilah". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/indiandailymail194910271.2.56.1?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- Indian Daily Mail, 31 January 1950. "Estate Conductor Shot Dead by Bandits During Morning Muster". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/indiandailymail19500131-1.2.10?qt=pulau,%20sebang&q=pulau%20sebang> (diakses pada 10 Januari 2025).

- Indian Daily Mail*, 9 Mac 1949. "Two Bandits Killed in Sungei Siput Area". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/indiandailymail194903091.2.52?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- Kalgoorlie Miner*, 23 Disember 1949. "Ambushed by Guerillas". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/95653005> (diakses pada 8 September 2024).
- Kalgoorlie Miner*, 25 Januari 1952. "Gurkhas Ambush Guerillas". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/256847545?searchTerm=tampin> (diakses pada 5 September 2024).
- Kalgoorlie Miner*, 31 Ogos 1948. "Malayan Murder". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/95700434> (diakses pada 2 September 2024).
- Malaya Tribune*, 18 Februari 1949. "Big Reward For Gutsell Killers". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/maltribune194902181.2.9?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 9 September 2024).
- Malaya Tribune*, 19 Disember 1950. "Eight Sins of A Red Who Fell". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/page/maltribune19501219-1.1.2> (diakses pada 2 September 2024).
- Malaya Tribune*, 23 Disember 1949. "Trapped Troops Rout Reds". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/maltribune194912231.2.88?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- Malaya Tribune*, 6 Disember 1949. "Forces Kill Two Bandits". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/maltribune194912061.2.59?qt=jelebu&q=jelebu> (diakses pada 5 September 2024).
- Malaya Tribune*, 19 November 1948. "Kidnapped in his own car". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/maltribune194811191.2.53?qt=jelebu&q=jelebu> (diakses pada 10 Januari 2025).
- Mohd Ashraf Ibrahim. 1989. "Darurat di Negeri Sembilan: Ditinjau Dari Laporan-laporan Akhbar Tempatan". Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Reduan Haji Asli. 2017. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morning Tribune*, 25 September 1948. "Surrendered Threw Grenade". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/morningtribune194809251.2.96?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- Morning Tribune*, 28 September 1948. "Federation Round-Up". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/morningtribune194809281.2.104?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- Morning Tribune*, 4 Oktober 1948. "Bandits Hold Up Bus, Rob Driver, Disappear". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/morningtribune194810041.2.83?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- MSS/ PIJ/ 11/ 1948.
- Northern Star*, 14 Oktober 1952. "Malayan Atrocities By Communists". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/96451233> (diakses pada 2 September 2024).
- Singapore Standard*, 19 December 1950. "Terrorist Leader Killed By Police". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singstandard195012191.2.16.42?qt=gutsell&q=gutsell> (diakses pada 2 September 2024).
- Stockwell, A. J. (ed.), 1995. *British Document on the Ends of Empire Part II, The Communist Insurrection, 1948- 1953*. London: HMSO.
- Short, A. 1975. *The Communist Insurrection in Malaya 1948-60*. London: Frederick Muller.
- Sunday Tribune*, 24 Oktober 1948. "21 Women Captured in Muar Operations". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/sundaytribune194810241.2.2?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 5 September 2024).

- Sunday Tribune*, 5 Disember 1948. "The 13th Mile". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/sundaytribune194812051.2.7?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- The Advertiser*, 5 Oktober 1949. "Gurkhas Killed in Ambush". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/36690454?searchTerm=gurkha> (diakses pada 2 September 2024).
- The Age*, 16 Disember 1948. "British Officer Dies in Action". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/205673724> (diakses pada 2 September 2024).
- The Argus*, 13 Disember 1949. "Terrorist in Malaya Killed 16 in Ambush". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/22798172?searchTerm=jelebu> (diakses pada 2 September 2024).
- The Argus*, 30 Januari 1951. "Front Page News Abroad". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/23036892> (diakses pada 2 September 2024).
- The Daily News*, 21 Ogos 1951. "European Officer Killed in Terrorist Ambush". <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/265568059> (diakses pada 1 September 2024).
- The Singapore Free Press*, 20 Mei 1949. "\$10,000 On His Head, Dead Or Alive". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/freepress194905201.2.91?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- The Straits Times*, 15 Ogos 1952. "2 Bombs Thrown in S'Pore". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes195208151.2.24?qt=sikamat&q=sikamat>. (diakses pada 10 Januari 2025).
- The Straits Times*, 16 November 1951. "No Longer in Fear, 2,200 Back at Work". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes195111161.2.91?qt=geddes,%20estate&q=geddes%20estate> (diakses pada 9 Januari 2025).
- The Straits Times*, 18 April 1950. "Wild Pig Hunter Shot by Bandits". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes195004181.2.78?qt=seremban,%20bandits&q=seremban%20bandits> (diakses pada 10 Januari 2025).
- The Straits Times*, 22 Disember 1949. "Bandits Killed Nine in Four Traps". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194912221.2.21?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 5 September 2024).
- The Straits Times*, 23 Disember 1949. "Hid In Car As Battle Rages". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194912231.2.72?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 4 September 2024)..
- The Straits Times*, 25 September 1948. "Tear Gas Beat Bandits In Cave". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194809251.2.65?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 7 September 2024).
- The Straits Times*, 28 Ogos 1948. "35 More Arrests in A Day". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194808281.2.17?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- The Straits Times*, 3 Ogos 1948. "Murder Of 2 Old People". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194808031.2.70?qt=seremban,%20bandits&q=seremban%20bandits> (diakses pada 10 Januari 2025).
- The Straits Times*, 30 Disember 1953. "Reds Kill Man, Pin Pamphlets to Him". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes195312301.2.34?qt=seremban&q=SEREMBAN> (diakses pada 10 Januari 2025).
- The Straits Times*, 31 Mei 1949. "Bandits Attack Police Station". <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194905311.2.74?qt=seremban,%20bandits&q=seremban%20bandits> (diakses pada 10 Januari 2025).

- The Straits Times*, 31 Ogos 1948. “Dawn Raiders Kill Mine Manager”. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194808311.2.10?qt=pertang&q=pertang> (diakses pada 2 September 2024).
- The Straits Times*, 8 Disember 1949. “10 Men Fought To Last Bullet”. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194912081.2.79?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- The Straits Times*, 8 Disember 1949. “3 Hurt In Grenade Outrage”. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194912081.2.107?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- The Straits Times*, 8 Ogos 1948. “Guard Held Up, 4 Rifles Taken”. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes194808081.2.83?qt=kuala,%20pilah&q=kuala%20pilah> (diakses pada 2 September 2024).
- The Sydney Morning Herald*, 31 Ogos 1948. “Mine Chief Slain in Malaya”. <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/18083046> (diakses pada 2 September 2024).
- The West Australian*, 10 April 1951. “Six Malay Soldier Killed in Ambush By Guerillas”. <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/48191523> (diakses pada 2 September 2024).
- The West Australian*, 30 Januari 1951. “Bomb Thrown at Dance”. <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/48148535> (diakses pada 2 September 2024).
- Tribune*, 24 Disember 1949. “Malaya Battles”. <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/209392892#> (diakses pada 2 September 2024).